

13 AUG 2000

Lee-temu bual/I

SINGAPURA BUKAN ANCAMAN KEPADA NEGARA LAIN, KATA KUAN YEW

KUALA LUMPUR, 13 Ogos (Bernama) -- Singapura sebuah negara yang padat dengan penduduk bukanlah menjadi ancaman kepada sebarang negara lain dan ia tidak mahu berperang dengan sesiapa, kata Menteri Kanan Lee Kuan Yew.

Beliau berkata jika republik itu dapat menawan wilayah, ia tidak akan dapat mengekalkannya.

"Biar saya jelaskan, Kami bukan ancaman kepada sebarang negara lain," katanya dalam temubual dengan the New Sunday Times yang disiarkan hari ini, apabila ditanya berkaitan perbelanjaan pertahanan negara itu yang tinggi.

Bekas perdana menteri berusia 77 tahun itu berkata, "kami menggunakan lima hingga enam peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) untuk pertahanan dan kami cuba mengekalkannya.

Semasa krisis kewangan serantau lalu, dilaporkan KDNK Singapura dalam tahun 1998 berjumlah AS\$84 bilion.

Semasa menjawab soalan siapakah musuh Singapura dan ancaman yang dihadapinya beliau berkata, "jika kami sebut nama musuh, kami akan bermusuhi."

Lee, berkata, biar kami jelaskan, kami boleh menawan wilayah, tetapi bolehkah kami mengekalkannya? Kami tidak boleh, jadi apa gunanya menawan wilayah."

"Kita tidak mahu berperang dengan sesiapa. Untuk apa?", katanya.

Selepas apa yang berlaku kepada Kemboja, yang mana Vietnam terpaksa berundur selepas 10 tahun dan di Timor Timur, Indonesia terpaksa berundur selepas 24 tahun, menawan negara lain adalah berbahaya dan tidak mendatangkan hasil, kata Lee.

Lee berkata, "kami bimbang masa depan kami, nasib baik kami dapat memulihkan ekonomi dan mewujudkan ekonomi baru."

Berkaitan laporan kerjasama antara Singapura dan Israel untuk membina satelit pengintip berteknologi tinggi, beliau berkata "Saya tidak dapat mengesahkannya. Kami boleh mendapatkan hampir semua maklumat daripada Perancis atau Amerika Syarikat."

Negarawan itu juga setuju pertahanan yang baik adalah mewujudkan hubungan baik dengan jiran-jiran, dengan matlamat tidak siapa yang mahu menyerang.

Berkaitan lawatannya ke Malaysia Lee berkata, "ia bertujuan untuk menambahkan pengetahuan saya. Saya diberi tahu terdapat perubahan-perubahan dan juga untuk berbincang, dengan persetujuan Perdana Menteri Goh Chok Tong semua perkara yang masih ada dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

The New Sunday Times berkata antara isu yang "sensitif" berkaitan hubungan Singapura dan Malaysia ialah isu bekalan air ke republik itu dan status tanah Keretapi Tanah Melayu.

Berkaitan tanggapan Melayu Singapura dipinggirkan, Lee yang telah membaca artikel dalam Berita (Harian) dan Utusan (Malaysia) berkata, "jika sesiapa boleh buktikan deskriminasi, saya yang pertama untuk menghapuskannya."

Beliau berkata ramai Melayu di sana telah meningkat dari segi pendidikan, pemilikan rumah dan kerjaya profesional.

Terhadap soalan bahawa pada satu ketika dahulu kesetiaan orang Melayu kepada Singapura dipersoalkan, Lee berkata "kami membawa isu itu secara terbuka, kerana kita percaya setelah tempoh masa berlalu kita akan dapat memperkatakannya secara terbuka, ia mengambil masa bagi kita untuk menjadi sebuah negara."

Beliau berkata, "rakyat perlu berasa mereka perlu berkongsi destini. Adakah kita telah merasainya? Saya belum bersedia untuk menyatakan ya, kerana saya tidak fikir kami telah mempunyai sejarah yang panjang. Ia

terlalu pendek, 35 tahun, tetapi kita mesti melakukannya, Adakah alternatif lain?

Singapura keluar dari Malaysia pada 9 Ogos 1965, menyertai Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada 21 Sept dan menjadi anggota Komanwel pada 15 Okt pada tahun yang sama. Pada 22 Dis ia menjadi republik dengan Yusof Ishak sebagai presiden pertama dan Lee Kuan Yew sebagai Perdana Menteri.

-- BERNAMA

GM GM RI